

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Min Lee berjalan _____ ketika keluar dari padang kerana kakinya terseliuh.
- A berlari-lari
 - B tergesa-gesa
 - C terkedek-kedek
 - D terhincut-hincut

2. Pak Sulong dan Mak Siti keluar menoreh getah di estet Ladang Bayu dalam _____ pagi.
- A pendingin
 - B kedinginan
 - C pendinginan
 - D mendinginkan

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Mak Ainun menghidangkan pisang goreng bahawa minum petang.
 B Shalini bangun jika menjawab soalan yang ditanyakan oleh Cikgu Rizal.
 C Api pelita di tepi jendela bilik Zara itu meliang-liuk bila ditiup oleh angin malam.
 D Leftenan Adnan dan pasukannya berjuang demi kemerdekaan tanah air yang tercinta.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada pagi Sabtu itu, Hadif dan kawan-kawannya berkumpul di kebun sekolah. Mereka hendak membantu Cikgu Rizal membersihkan kebun sekolah. Mereka memakai kemeja-T lengan panjang, seluar panjang dan kasut but getah yang tapaknya agak tebal.

Selain itu, Hadif dan kawan-kawannya memakai sarung tangan semasa mencabut rumput di atas batas terung. Mereka juga memakai topi untuk melindungi kepala mereka daripada panas matahari. Mereka berasa gembira kerana dapat membantu Cikgu Rizal membersihkan kebun sekolah mereka.

4. Mengapakah Hadif dan kawan-kawannya berada di kebun sekolah?
 - A Melawat kebun sekolah.
 - B Membersihkan kebun sekolah.
 - C Memetik sayur di kebun sekolah.
 - D Membaja sayur-sayuran di kebun sekolah.

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Cikgu Rizal, Hadif dan kawan-kawannya berkumpul di Taman Sains sekolah untuk membersihkan kebun sekolah.
 - B Cikgu Rizal berasa gembira kerana dapat membantu Hadif dan kawan-kawannya di kebun sekolah.
 - C Cikgu Rizal mencabut rumput di atas batas terung dengan menggunakan sarung tangan.
 - D Cikgu Rizal, Hadif dan kawan-kawannya bekerjasama membersihkan kebun sekolah.

6. Berikut ialah pakaian yang dipakai oleh Hadif dan kawan-kawannya berdasarkan petikan *kecuali*
 - A seluar pendek.
 - B sarung tangan.
 - C kemeja-T lengan panjang.
 - D kasut but getah yang tebal.

[Lihat halaman sebelah
Set 4

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

FESTIVAL TARIAN TRADISIONAL SK TAMAN IMPIAN

Tarikh : 26 dan 27 Jun
 Hari : Jumaat dan Sabtu
 Masa : 9:00 pagi hingga 12:30 tengah hari
 Tempat : Dewan SK Taman Impian

Syarat-syarat:

- Terbuka kepada murid-murid tahap 1 dan tahap 2
- Penyertaan secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum
- Tarikh akhir menghantar borang penyertaan adalah pada 17 Jun
- Hadiah menarik menanti para pemenang

BAHAN 2

SK Taman Sentosa telah mengadakan Pertandingan Tarian Tradisional pada 29 Jun yang berlangsung dengan meriah. Murid-murid tahap 1 dan tahap 2 yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mengambil bahagian dalam pelbagai jenis tarian tradisional. Antaranya tarian kipas, bharatanatyam, ngajat, zapin, dan lain-lain.

Objektif pertandingan itu adalah untuk memperkenalkan kepelbagaian tarian tradisional Malaysia kepada murid-murid. Melalui pertandingan ini, para murid dapat mengenali dan mengetahui kesenian *kaum* di Malaysia yang unik dan menarik. Semasa menunggu keputusan para juri, para penonton telah dihiburkan dengan persembahan gurindam oleh pasangan duet Aida dan Meena.

7. Tujuan Pertandingan Tarian Tradisional adalah untuk _____.

- A mencungkil bakat murid dalam seni tari tradisional yang pelbagai
- B mempelajari pelbagai kesenian tradisional masyarakat yang sangat unik
- C memeriahkan Festival Tarian Tradisional yang diadakan pada bulan Jun
- D memperkenalkan kepelbagaian tarian tradisional Malaysia kepada murid-murid

8.

Semasa menunggu keputusan para juri, para penonton telah dihiburkan dengan persembahan gurindam oleh pasangan duet Aida dan Meena.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan yang bergaris di atas ialah

- A untai.
- B rangkap.
- C pasukan.
- D naskhah.

9. Perkataan *kaum* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A kumpulan.
- B kelompok.
- C golongan.
- D kerabat.

10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Para peserta tarian tradisional mestilah terdiri daripada pelbagai kaum.
- B Pertandingan tarian tradisional itu hanya terbuka untuk murid-murid tahap 2 SK Taman Sentosa.
- C Pertandingan tarian tradisional dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid.
- D Festival Tarian Tradisional SK Taman Impian diadakan mulai 29 Jun.

[Lihat halaman sebelah
Set 4]